

# Punca gangguan seksual di tempat kerja

Oleh SABITHA MARICAN

DENGAN terlancahnya Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja pada 17 Ogos lalu, maka timbullah pelbagai reaksi di kalangan masyarakat.

Ada yang tersenyum riang kerana sekarang tidak perlu lagi menghadapi 'penghinaan' seks di tempat kerja. Tetapi ada juga yang berasa hampa kerana mereka tidak boleh lagi bergurau senda, berseloroh, beramah mesra, pendek kata kalau tersilap boleh dibuang kerja.

Ada pula yang merasakan tempat kerja tidak akan lagi menjadi seronok dan meriah seperti sebelum zaman prakod etika. Tidak kurang juga yang sudah mula merasa gementar kerana kini sudah ada panduan untuk mengatur tingkah laku mereka yang sebelum ini boleh berkelakuan 'sumbang' sesuka hati.

Sesetengah pula termangu-mangu dan hairan apakah gangguan seksual ini benar-benar berlaku ataupun ia adalah rekaan semata-mata oleh mereka yang mahukan glamor.

Mengikut kajian Sabitha (1999) yang dilakukan di 60 jabatan kerajaan di empat buah negeri, menunjukkan 43.9% daripada pentadbir pernah mengalami sekurang-kurangnya satu daripada tingkah laku yang berunsur gangguan seksual. Sama ada dari segi fizikal (contohnya meraba, menggesel, mencium), lisan (mengeluarkan kata-kata komen, gurauan, usikan dan bunyi yang bersifat seksual), bahasa isyarat (contoh melerek, merenung dengan cara yang lucah), visual (contoh edaran, paparan melalui gambar e-mel atau surat yang bersifat seksual).

Seterusnya kebanyakan responden dalam kajian tersebut mentafsir sesuatu kejadian itu sebagai gangguan seksual jika pengganggunya ialah lelaki, dan tidak ramai yang melihatnya sebagai gangguan seksual jika ia dilakukan oleh wanita ataupun berlaku di kalangan sama jantina. Pendek kata gangguan seksual masih dilihat sebagai masalah wanita kerana mangsanya adalah wanita.

## Aduan

Walaupun pada hakikatnya yang membuat laporan kepada Kementerian Sumber Manusia adalah semuanya wanita dan sehingga kini belum ada lelaki yang membuat aduan, ini tidak bermakna bahawa lelaki tidak mengalaminya.

Mengikut kajian yang dijalankan hampir setengah (43.4%) dari responden lelaki pernah mengalami sekurang-kurangnya satu daripada bentuk gangguan seksual yang dinyatakan di atas.

Bermakna lelaki juga mengalaminya, cuma mereka agak keberatan untuk membuat laporan. Mengikut kajian yang lain lelaki tidak membuat laporan kerana takut mereka akan di ejek 'perasaan', 'syok sendiri' atau dipanggil tidak macho.

Ada kajian pula menyatakan bahawa lelaki yang mengaku mengalami tingkah laku yang bersifat seksual tetapi tidak pula merasakan bahawa diri mereka diganggu. Malahan ada yang rasakan ia adalah satu pujian dan sebagai pemangkin

untuk ego mereka. Namun bukan semua lelaki berasa demikian, tetapi terpaksa berdiam diri kerana masyarakat mungkin susah menerima kenyataan bahawa lelaki juga boleh diganggu oleh wanita.

Perkara mengenai lelaki mengalami gangguan seksual adalah ini tidak mustahil kerana ia sudah pun berlaku di negara-negara Barat. Ramai pengkaji telah meneliti mengenai punca gangguan seksual ini.

Mengikut teori biologi gangguan seksual berlaku disebabkan oleh perbezaan hormon lelaki dan perempuan. Komponen hormon lelaki itu menyebabkan mereka mempunyai rangsangan seks yang lebih tinggi daripada wanita, sehingga mereka akan terlibat dalam tingkah laku yang bersifat gangguan seksual.

Apa yang teori ini cuba usulkan ialah seolah-olah ia berlaku di luar kawalan pengganggu tersebut. Namun kita hairan jika sedemikian mengapa mereka tidak berkelakuan sumbang di khalayak ramai tetapi secara sembunyi atau tidak langsung. Ada pelbagai persoalan lagi yang ditunjukkan pada teori ini, yang menyebabkan ia masih boleh diperdebatkan lagi.

## Merangsang

Teori demografi pula mengutarakan bahawa ia berlaku kerana komposisi lelaki dan wanita di tempat kerja yang tidak seimbang yang merangsang gangguan seksual di tempat kerja. Kajian menyatakan bahawa jika tempat kerja itu didominasi oleh lelaki maka wanita di tempat kerja itu akan cenderung mengalami gangguan seksual.

Mengikut teori organisasi pula menyatakan bahawa gangguan seksual adalah disebabkan oleh faktor organisasi dan bukan peribadi.

Struktur organisasi, yang sering menempatkan lelaki dalam kedudukan yang lebih autoriti, memampukan mereka mendapatkan kepuasan secara seksual dari subordinat mereka.

Memandangkan kebanyakan lelaki berada pada di peringkat atas hirarki atau bidang profesional manakala wanita dalam bidang sokongan maka ini menyenangkan lelaki menggunakan kuasa yang ada pada mereka untuk melakukan gangguan seksual tersebut.

Satu perspektif teori yang lain pula menjangkakan bahawa gangguan seksual ini berlaku disebabkan cara kita dibesarkan dalam sistem yang membezakan antara peranan lelaki dan wanita. Peranan masing-masing mempunyai garis pembahagi yang ketara. Sebagai contoh lelaki harus dipertanggungjawabkan untuk menyusun kerusi dan meja dan peralatan yang berat dan wanita pula untuk membancuh kopi dan kerja-kerja membersih.

Maka secara tidak langsung, teori ini mengutarakan bahawa lelaki sememangnya berkelakuan lebih agresif yang mana adalah biasa untuk berkelakuan sedemikian terhadap wanita, kerana wanita hanyalah memainkan peranan sekunder sahaja.

Dianalisis secara mendalam kesemua teori ini memberi fokus pada wanita sebagai mangsa seks dan lelaki sebagai pengganggu seks. Kini apa yang harus kita fikirkan bukannya

lelaki atau wanita sebagai mangsa tetapi bagaimana melahirkan satu tempat kerja yang harmonis bagi kedua-dua pihak. Ini penting kerana kesan buruk gangguan seksual ini akan dirasakan oleh majikan dan pekerja. Pekerja yang menghadapi gangguan seksual ini boleh terganggu dari segi psikologi (berasa rendah diri, rasa takut yang keterlaluan), fisiologi (terganggu kesihatannya, seperti mendapat migrain, sakit badan, tidak lalu makan, rasa letih) dan perubahan dari segi tingkah laku (ponteng kerja, menjadi pendiam, pemarah, merokok lebih daripada biasa, bunuh diri).

Malahan organisasi juga akan mengalami kos langsung jika harus memberi pampasan kepada mangsa dan pembiayaan kos mahkamah jika disaman, dan imej organisasi yang sudah tentu terganggu.

Sehingga kini masih ada yang ragu-ragu dan tidak jelas bilakah tingkah-laku seseorang itu akan dicap sebagai gangguan seksual. Salah satu kayu pengukur yang boleh digunakan ialah gerak hati kita sendiri.

Jika sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan itu tidak akan tergamak dilakukan pada ibunya, adiknya, pasangannya atau tidak rela dipaparkan di media, maka perbuatan itulah diiktiraf sebagai gangguan seksual. Namun satu kod etika masih perlu kerana kadangkala sesetengah pekerja itu sudah biasa dengan menggunakan bahasa lucah. Maka dengan adanya kod etika ini pekerja akan berhati-hati apabila berkelakuan yang bersifat seksual.

## Dibendung

Gangguan seksual sukar dibendung tanpa ada peraturan. Sebagai contoh, apabila kita memasuki sebuah kedai kasut, pelayan yang senyum dan melayan kita dengan muka yang manis belum tentu ia benar-benar gembira melihat kita, tapi ia lakukannya kerana menepati kod etika melayan pelanggan yang dikehendaki oleh majikan di tempat kerjanya.

Sekurang-kurangnya dengan adanya kod etika itu pekerja terpaksa patuh pada kod etika agar berkelakuan dengan lebih sopan. Ada kajian menunjukkan bahawa organisasi yang mempunyai kod etika terhadap gangguan seksual lazimnya kurang mengalami masalah gangguan seksual. Namun demikian kewujudan kod etika sahaja tidak mencukupi.

Kerana ia akan menjadi sebagai bahan perhiasan sahaja dan lebih parah lagi jika organisasi mengamalkan pepatah Melayu iaitu 'mengajar ketam berjalan betul' dalam mengendalikan kes gangguan seksual. Kerana jika budaya organisasi menunjukkan sikap tidak mengapa terhadap isu gangguan seksual apatah lagi dengan pekerja yang gemar berkelakuan sumbang sudah tentulah mereka akan naik 'tocang'.

Maka apa yang perlu diberi tumpuan yang sama berat ialah pelaksanaan hukuman bagi pengganggu agar ia benar-benar berkesan. Bermakna kod etika ini menjadi sebagai pengawas bagi mereka yang gemar berkelakuan sedemikian agar tidak menggugat produktiviti pekerja dan imej organisasi dalam jangka masa yang panjang.

● SABITHA MARICAN ialah Prof. Madya di Universiti Utara Malaysia.